



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem ePerolehan bagi menyertai tender berikut:

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
JPA/01/2016  TENDER MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER PENCETAK UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	020601 (Alat Tulis)	12 Februari 2016  (Khamis),  jam 12.00 tengah hari.  <b>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender tidak akan dipertimbangkan</b>	<b>Secara ePerolehan</b>

2. Petender yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **15 Januari 2016 (Jumaat)** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
3. Petender yang berminat menyertai tender perlu membuat pengesahan **No. Kementerian Kewangan** melalui **atas talian atau emel kepada pegawai bertanggungjawab seperti di bawah**:

**Nama : Puan Nadiah Binti Ahmad**  
**No. Telefon : 03-8885 3236**  
**Emel : nad.ahmad@jpa.gov.my**

4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **12 Februari 2016 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**.
5. Harga Tawaran yang dikunci masuk (*key-in*) adalah jumlah sebelum dikenakan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).
6. Dokumen yang dihantar secara manual (seperti arahan dalam Dokumen Tender) hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** pada atau sebelum **12 Februari 2016 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**.
7. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada petender dan **kehadiran petender adalah diwajibkan**. Hanya dua (2) wakil petender dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 18 Januari 2016 (Isnin)**  
**Masa : 9.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,**  
**Aras 8, Blok C1, Kompleks C,**  
**62100 Putrajaya**

8. Tawaran Tender yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan serta kelewatan menghantar dokumen manual seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.
9. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:

En. Muhamad Sarizan Bin Jamaludin - 03-8885 5040